



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Mahu kahwin tapi tiada duit

Soalan

SAYA berusia 25 tahun serta sudah bekerja tetap selama dua tahun.

Saya mempunyai kekasih berusia 21 tahun yang masih menuntut di kolej.

Saya amat menyayangnya dan mahu berumah tangga dengannya supaya perhubungan kami tidak dicemari maksiat.

Masalahnya kini, saya masih tidak punya wang simpanan untuk meminangnya.

Saya tidak tahu cara untuk menyimpan wang dengan lebih berkesan supaya dapat digunakan untuk perkahwinan.

JEJAKA KESAL,
Kuala Lumpur

Jawapan

Sebenarnya, perkahwinan tidak perlu memakan belanja yang besar. Rasulullah s.a.w pernah mengahwinkan seorang lelaki yang tidak memiliki suatu apapun untuk diadikannya mas kahwin.

Rasulullah s.a.w bertanya kepada lelaki itu: "Adakah kamu menghafaz sedikit daripada ayat al-Quran?"

Lelaki itu menjawab, dia mengingati beberapa surah lalu Rasulullah s.a.w pun mengahwinkannya dengan mas kahwin surah yang diajarkan kepada bakal isterinya.

"Daripada Aisyah, Rasulullah s.a.w bersabda bermaksud: 'Sesungguhnya nikah yang paling-besar keberkatannya ialah yang paling murah (rendah) maharnya.'" (Hadis riwayat Al-Baihaqiy)

Saidina Umar berkata:

"Awat! Janganlah kamu melampau dalam memberi mas kahwin kepada wanita kerana sesungguhnya jika wanita itu seorang yang mulia di dunia atau seorang yang bertakwa di sisi Allah, nescaya Rasulullah s.a.w orang yang paling utama berbanding kamu dalam memberi mas kahwin yang banyak.

"Padahal aku tidak pernah mengetahui Rasulullah s.a.w berkahwin dengan mana-mana isterinya atau mengahwinkan mana-mana puterinya dengan mas kahwin lebih daripada 12 waqyah." (Hadis riwayat Al-Tirmizi)

Jika adik benar-benar serius untuk berkahwin, seelok-eloknya cuba usahakan majlis perkahwinan yang memenuhi keadaan kewangan adik.

Kebiasaannya majlis perkahwinan yang diadakan

secara besar-besaran dan menjangkau keupayaan kewangan akan menyebabkan kehidupan selepas berkahwin dibelenggu dengan kemelut kewangan untuk tempoh yang panjang.

Jadi, adik perlu bersederhana dalam hal ini.

Adik juga perlu merancang kewangan adik untuk tujuan perkahwinan terbabit, berbincang dengan bakal pasangan dan keluarga.

Kini, ada banyak buku berkaitan perancangan kewangan yang dapat membantu selain mencari maklumat berkaitan di Internet.

Ada juga beberapa tip diberikan Persatuan Akauntan Bertauliah dalam mewujudkan bajet perkahwinan.

Pertama, berbincang dengan bakal pasangan mengenai bentuk perkahwinan diingini.

Pastikan adik mencapai keputusan yang dipersetujui bersama.

Kemudian, teruskan perbincangan lain termasuk tempat, pakaian, makanan dan jemputan. Beri keutamaan mengikut apa yang disenaraikan serta mengira jumlah wang dimiliki dan jumlah keperluan perkahwinan serta simpanan.

Tip seterusnya, usahakan cara untuk mendapatkan wang. Buat pelan untuk menjimatkan wang bagi melangsungkan perkahwinan adik itu termasuk mewujudkan akaun bersama untuk tujuan perkahwinan.

Masukkan wang ke akaun itu secara kerap serta berdisiplin, jika tidak adik pasti tidak mampu mencapai sasaran.

Untuk perbelanjaan perkahwinan, dapatkan sebut

harga daripada pembekal bagi memperoleh harga terbaik untuk perkhidmatan dikehendaki.

Selepas mempunyai bajet untuk perbelanjaan majlis perkahwinan, perkara seterusnya ialah mencatatkan kos sebenar dengan kos jangkakan.

Simpan semua rekod, perjanjian, resit serta baucar dan buat semakan sebulan sekali untuk memastikan perancangan kewangan adik berada di landasan yang betul.

Apabila tarikh perkahwinan semakin hampir, adik mungkin perlu melakukan semakan setiap minggu memandangkan adik perlu membuat pembelian dan tempahan. Adik juga boleh meminta bantuan dan nasihat keluarga.